

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Para peserta yang menyertai program pertukaran murid diingatkan supaya sentiasa menjaga _____ ketika berada di luar negara.

A tatacara C tatatertib
B tatabahasa D tatanegara



Shidi berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti kerana dia lulus dengan cemerlang dalam kesemua _____ yang diambil.

A mata pelajaran
B kertas kerja
C mata hati
D kertas putih

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Hubungan Syidah dengan adiknya *tajam* akibat berebut harta.
II Penjual daging itu menggunakan pisau yang *tajam* untuk memudahkan kerjanya.
III Murid-murid yang melanggar disiplin itu berasa takut apabila Cikgu Zainal memerhatikan mereka dengan pandangan yang *tajam*.
IV Perompak-perompak itu menggunakan senjata *tajam* untuk menakutkan pengawal keselamatan dan para pekerja di bank itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Perahu nelayan itu *terumbang-ambing* akibat dilambung ombak.
II Pelajarannya *terumbang-ambing* semenjak ibu bapanya berpisah.
III Lelaki tua itu berjalan *terumbang-ambing* ketika menggunakan jejantas.

IV Penyanyi itu *terumbang-ambing* menjawab soalan para wartawan dalam bahasa Inggeris.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa** atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tidak ada kesalahan**.

5. Saya yakin yang kempen antidadah yang dilancarkan tadi akan mendapat sambutan daripada orang ramai.
- A yakin jika projek antidadah
 - B yakin agar projek antidadah
 - C yakin bahawa kempen antidadah
 - D yakin yang kempen antidadah
6. Kerja memperdalamkan sungai itu sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada bulan hadapan.
- A mendalami sungai itu akan giat
 - B mendalamkan sungai itu akan giat
 - C memperdalam sungai itu sedang giat
 - D memperdalamkan sungai itu sedang giat

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Faiz dan Hirmi saling berlumba-lumba untuk memperoleh markah yang tertinggi dalam ujian.
- II Kedua-dua sahabat itu bersalaman sewaktu terserempak di pasar.
- III Kerajaan akan terus meningkatkan bantuan kepada para petani di negara ini.
- IV Hujan lebat selama dua jam setengah menyebabkan kampung itu banjir.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

8. I Amri mengutus surat kepada rakannya yang tinggal di luar negara.
- II Aizat dan Aiman akan pulang ke Johor Bahru beberapa hari lagi.
- III Beberapa buah kedai makan yang akan didirikan di kawasan perumahan itu.
- IV Kuih-muih yang dibeli oleh ayah dari pasar malam itu manis-manis semuanya.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

9. **Harga sayur meningkat sekali ganda sejak bulan lalu disebabkan oleh bekalan bahan itu berkurangan.**
- A Bekalan sayur di negara ini berkurangan sekali ganda sejak bulan lalu.
 - B Kekurangan bekalan sayur di pasaran menyebabkan harganya meningkat sekali ganda sejak bulan lepas.
 - C Oleh sebab bekalan sayur berkurangan sejak bulan lalu, harganya menjadi mahal.
 - D Harga sayur tidak dinaikkan sekali ganda walaupun bekalan bahan itu berkurangan sejak bulan lepas.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang **paling sesuai**.

10. Kawasan kampung itu kurang maju kerana penduduknya lebih suka mementingkan diri. Keadaan ini dikatakan
- A bagai murai dicabut ekor.
 - B kata-kata lebih tajam daripada mata pedang.
 - C banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.
 - D seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.